

24/06/2002

Balasungkawa

ALLAHYARHAM Datuk Fadzil Mohd Noor, disifatkan sebagai ahli politik yang sederhana dan disenangi lawan dan kawan. Allahyarham juga dikenali sebagai pemimpin berjiwa rakyat dan mudah didekati.

Walaupun memimpin parti pembangkang dan menjadi Ketua Pembangkang di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, Fadzil tetap menyokong beberapa tindakan kerajaan sama ada yang membabitkan pemindaan undang-undang atau usaha membangunkan rakyat dan negara.

Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kedah, Fadzil atau nama lainnya Ali, dianggap pemimpin yang turut memberikan sumbangan kepada pembangunan dan politik negeri Kedah. Berikutan sumbangannya itu, Sultan Kedah menganugerahkannya darjah kebesaran Dato' Setia Diraja Kedah yang membawa gelaran Datuk.

Ketika menjadi Adun Pas tunggal Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah pada awal 1990-an, sebelum parti itu memenangi 12 kerusi pada pilihan raya umum 1999, Fadzil menunaikan tanggungjawab sebagai pembangkang dengan membangkitkan pelbagai isu serta memberikan cadangan kepada kerajaan.

Ketika itu, Fadzil bersama wakil DAP, George John sering berpadu tenaga membangkitkan pelbagai isu walaupun hanya mereka berdua yang mewakili pembangkang DUN Kedah.

Pengerusi MCA Kedah, Datuk Beh Heng yang sering menerima kritikan Fadzil ketika persidangan DUN menganggap pemergian Fadzil sebagai kehilangan untuk politik Kedah yang menurutnya banyak memberi idea dan kritikan membina membantu kerajaan membangunkan negeri.

Beh juga menyifatkan Fadzil sebagai pemimpin yang sopan dan mudah didekati. Pandangan Beh dikongsi oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim yang menyifatkan kematian Fadzil sebagai kehilangan kepada politik negara.

Dr Ling juga menganggap Fadzil sebagai Ketua Pembangkang berfungsi dalam pembangunan negara dengan membuat teguran kepada kerajaan.

Walaupun hanya berjaya menjejakkan kaki di Dewan Rakyat sebagai Ahli Parlimen pada Pilihan Raya Umum 1999 selepas beberapa kali mencuba sejak 1978, Fadzil mempunyai pengalaman luas sebagai wakil rakyat kerana mula menjadi Adun Bukit Raya pada 1982.

Justeru, Fadzil tidak dianggap sebagai pendaatang baru di Dewan Rakyat kerana selain sebagai ahli politik `veteran' sejak aktif berpolitik pada 1959, beliau memegang jawatan penting pertamanya pada peringkat pusat sebagai Naib Presiden pada 1978.

Beliau dianggap veteran kerana selain terbabit dalam politik sejak sekian lama, Fadzil juga menghadapi banyak pilihan raya dan tidak jemu bertanding walaupun banyak kali tewas.

Selepas beberapa kali mencuba untuk ke Dewan Rakyat, hanya pada 1999 beliau berjaya menang di Parlimen Pendang walaupun menang pertama kali peringkat DUN pada 1982 di Bukit Raya, kubu kuat Pas di Kedah dan mengekalkannya sehingga pilihan raya 1995 sebelum berpindah ke Anak Bukit pada 1999.

Beliau mula bertanding kerusi Parlimen Kuala Kedah pada 1978, Ulu Muda (1982), Kuala Kedah (1986), Pendang (1990) dan kembali ke Kuala Kedah pada 1995.

Walaupun sering mengkritik kerajaan dan kadang-kala agak lantang ketika perbahasan di Parlimen, Fadzil juga mengekalkan fungsi positif sebagai Ketua Pembangkang dan mampu memberikan pandangan bernas,

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok menyifatkan Fadzil sebagai Ahli Parlimen yang profesional ketika di Dewan Rakyat

Ketokohan Ketua Pembangkang itu dalam arena politik itu juga diakui ramai pemimpin kerajaan walaupun daripada segi politik mereka `bermusuhan'. Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib menyifatkan Fadzil sebagai ahli politik yang konsisten dalam perjuangan, manakala Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Kadir Sheikh Fadzir berpendapat beliau seorang yang `gentleman' dan berjaya menghidupkan amalan demokrasi negara dengan pandangan yang sederhana.

Dalam usaha menyatukan Melayu, Fadzil mengetuai Pas untuk mengadakan perbincangan dengan Umno tahun lalu bagi mewujudkan perpaduan Melayu yang semakin berpecah, terutama sebelum dan selepas pilihan raya umum 1999.

Pada peringkat membela umat Islam peringkat antarabangsa yang tertindas, fungsi Fadzil sebagai presiden Pas juga diakui apabila dijemput bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

Majlis berkenaan dilihat ramai pihak sebagai titik tolak bahawa, umat Islam Malaysia boleh bersatu, sekali gus menyatupadukan kaum Melayu yang berpecah.

Selain sebagai ahli politik, Fadzil disegani dan diakui kerana sumbangannya terhadap pembangunan agama Islam dalam dan luar negara. Selain aktif memimpin Pas, beliau juga kerap kali dijemput memberikan pandangan dan ceramah pada peringkat nasional antarabangsa.

Ia berdasarkan latar belakang pendidikan agama Islam yang diterimanya sejak kecil.

Selepas menamatkan persekolahan di Sekolah Melayu Derga, Alor Star, Fadzil melanjutkan pelajaran di Maktab Mahmud, juga di Alor Star, sekolah menengah agama yang banyak melahirkan tokoh Islam dan politik negara.

Selepas itu, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar di Mesir dan memperoleh Sarjana Perundangan Islam dalam bidang Syariah. Beliau juga pernah mengajar di Maktab Mahmud sebelum menjadi pensyarah Perundangan Islam di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 1973 hingga 1978.

Fadzil juga salah seorang yang terbabit dalam penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) dan pernah menjadi Timbalan Presidennya.

Pada 1982 hingga 1989, Fadzil dipilih sebagai Timbalan Presiden Pas sebelum memangku jawatan presiden pada 1988 hingga 1989 dan disahkan sebagai Presiden pada Mac 1989 menggantikan Yusof Rawa.

Ketika di Mesir, Fadzil pernah menganggotai Kesatuan Melayu Republik Arab Bersatu dan dilantik sebagai Timbalan Presiden persatuan itu pada 1967. Allahyarham berkahwin dengan Siti Khadijah Ibrahim pada 1963 dan mempunyai lapan anak - Huda, Ammar, Aiman, Muna'Izzah, Muhammad Faiz, Salwa, Ahmad Fauwaz dan Ahmad Anas.

(END)